



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

RELIF KUMPULAN UNTUK SYARIKAT

KETETAPAN UMUM NO. 2/2025

TARIKH PENERBITAN: 31 JULAI 2025



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

RELIF KUMPULAN UNTUK SYARIKAT

**Ketetapan Umum No. 2/2025
Tarikh Penerbitan: 31 Julai 2025**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 22 Ogos 2016

© 2024 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersial, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	3
5. Had Masa untuk Menyerah Kerugian Larasan daripada Perniagaan	4
6. Kriteria Kelayakan untuk Relif Kumpulan	5
7. Tafsiran Syarikat Berkaitan dan Kelayakan untuk Relif Kumpulan	6
8. Tahap Pemegangan Syer Biasa Perlu Dikekalkan	32
9. Pengiraan Relif Kumpulan	34
10. Lebih daripada Satu Syarikat Menyerah atau Syarikat Menuntut	39
11. Pindaan Kerugian Larasan daripada Perniagaan	42
12. Penalti untuk Maklumat Tidak Betul	42
13. Syarikat yang Tidak Layak untuk Relif Kumpulan	46
14. Perkara Lain yang Berkaitan	48
15. Kemaskini dan Pindaan	49
16. Penafian	51
Lampiran 1	52

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai bagi relif kumpulan untuk syarikat yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 44, 44A, 77A, 114 dan subsekyen 125(2).

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut -

- 3.1 “Baki aset” bermaksud aset bersih syarikat yang menuntut atau syarikat yang menyerahkan selepas pengagihan dibuat kepada -
 - (a) pemiutang syarikat tersebut berkenaan dengan pinjaman komersial; dan
 - (b) pemegang syer selain daripada syer biasa,dan sekiranya syarikat tersebut tidak mempunyai baki aset, satu amaun nosional sebanyak satu ratus ringgit (RM100) disifatkan sebagai baki aset syarikat tersebut.
- 3.2 “Baki keuntungan” bermaksud keuntungan syarikat yang menuntut atau syarikat yang menyerahkan selepas memotong apa-apa dividen pada -
 - (a) amaun tetap atau kadar peratusan tetap daripada nilai syer syarikat tersebut; atau
 - (b) kadar peratusan tetap daripada keuntungan syarikat tersebut tetapi sebelum memotong apa-apa pulangan yang genap masanya untuk dibayar kepada pemiutang pinjaman bukan komersial yang bukan pada -
 - (i) amaun tetap atau kadar peratusan tetap daripada jumlah pinjaman; atau
 - (ii) kadar peratusan tetap daripada keuntungan syarikat tersebut,dan sekiranya syarikat tersebut tidak mempunyai baki keuntungan, satu amaun nosional sebanyak satu ratus ringgit (RM100) disifatkan sebagai baki keuntungan syarikat tersebut.

- 3.3 “Kerugian larasan”, berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud kerugian larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 “Operasi” berhubung dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi bermaksud —
- (a) suatu aktiviti yang terdiri daripada suatu menjalankan perniagaan;
 - (b) suatu aktiviti yang terdiri sepenuhnya dalam membuat pelaburan;
 - (c) suatu aktiviti yang terdiri daripada kedua-duanya, menjalankan suatu perniagaan dan membuat pelaburan; atau-
 - (d) suatu aktiviti yang terdiri daripada membuat pelaburan sebelum memulakan perniagaan atau selepas penamatan perniagaan.
- 3.5 “Pemastautin” bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 8 ACP.
- 3.6 “Pemegang ekuiti” bermaksud mana-mana pemegang syer biasa dalam syarikat yang menuntut atau syarikat yang menyerah atau mana-mana pemiutang syarikat tersebut berkaitan dengan apa-apa pinjaman bukan komersial.
- 3.7 “Pendapatan agregat”, berhubung dengan seseorang dan suatu TT, bermaksud pendapatan agregat yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8 “Pendapatan agregat ditentukan”, berhubung dengan suatu TT, bermaksud pendapatan agregat syarikat yang menuntut bagi tahun itu dikurangkan dengan potongan yang dibuat menurut perenggan 44(1)(a), (b), (c) dan (d) ACP.
- 3.9 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu TT, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.10 “Pinjaman bukan komersial” bermaksud apa-apa pinjaman selain daripada pinjaman komersial.
- 3.11 “Pinjaman komersial” bermaksud apa-apa pinjaman yang melayakkan pemiutang mendapat apa-apa pulangan yang hanya pada -
- (a) amaun tetap atau kadar peratusan tetap daripada jumlah pinjaman; atau
 - (b) kadar peratusan tetap daripada keuntungan syarikat tersebut.
- 3.12 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

- 3.13 “Syarikat Labuan” bermaksud suatu entiti Labuan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2B(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL).
- 3.14 “Syer biasa” bermaksud mana-mana syer selain daripada syer yang hanya memberi hak kepada apa-apa dividen pada –
- (a) amaun tetap atau pada kadar peratusan tetap daripada nilai syer; atau
 - (b) kadar peratusan tetap daripada keuntungan syarikat.
- 3.15 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.16 “Tempoh asas”, berhubung dengan seseorang, suatu punca kepadanya dan suatu TT, bermaksud tempoh asas tersebut, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Pengenalan

- 4.1 Setiap syarikat dalam suatu kumpulan syarikat merupakan entiti yang berasingan. Tanggungan cukai bagi setiap syarikat ditentukan secara berasingan daripada syarikat yang lain dalam kumpulan syarikat yang sama.
- 4.2 Kerugian larasan perniagaan tahun semasa suatu syarikat boleh diserap oleh pendapatan agregatnya yang merangkumi pendapatan daripada punca perniagaan lain dan pendapatan daripada punca selain perniagaan.
- 4.3 Apa-apa kerugian larasan daripada punca perniagaan yang tidak dapat diserap atau diserap sepenuhnya dalam suatu TT akan dihantar ke hadapan untuk dipotong daripada agregat pendapatan berkanun perniagaan atau perniagaan-perniagaannya dalam TT berikutnya terhad kepada sepuluh (10) TT yang berturut-turut.
- 4.4 Mulai TT 2006, relif kumpulan adalah terbuka kepada semua syarikat yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, tertakluk kepada syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen 44A ACP. Peruntukan relif kumpulan membenarkan sebuah syarikat dalam suatu kumpulan untuk menyerahkan (dikenali sebagai syarikat yang menyerah) tidak lebih daripada lima puluh peratus (50%) kerugian larasan daripada perniagaan dalam tempoh asas untuk suatu TT kepada satu atau lebih syarikat berkaitan (dikenali sebagai syarikat yang menuntut) dalam suatu kumpulan yang sama.
- 4.5 Mulai TT 2009, subseksyen 44A(1) ACP dipinda melalui Akta Kewangan 2009 [Akta 693] untuk membenarkan sebuah syarikat yang menyerah dalam suatu kumpulan untuk menyerahkan kerugian larasan perniagaan tahun semasa dalam tempoh asas untuk suatu TT tidak lebih daripada tujuh puluh peratus (70%) kepada satu atau lebih syarikat yang menuntut dalam kumpulan yang sama.

5. Had Masa untuk Menyerah Kerugian Larasan daripada Perniagaan

5.1 Berkuatkuasa TT 2019, syarikat yang menyerah yang baharu memulakan operasi hanya boleh menyerahkan kerugian larasan perniagaan tahun semasa bagi tujuan relif kumpulan kepada syarikat yang menuntut terhadap kepada tiga (3) TT berturut-turut. Had masa tiga (3) TT berturut-turut untuk menyerahkan kerugian larasan perniagaan tahun semasa ditentukan seperti berikut -

- (a) sejurus selepas tempoh asas bagi suatu TT pertama syarikat yang menyerah memulakan operasi, dengan syarat tempoh asas tersebut terdiri daripada tempoh dua belas (12) bulan; atau

Contoh 1

Syarikat S memulakan operasi perniagaan pada 1.1.2019. Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 31.12.2019. Syarikat S berhasrat untuk menyerahkan kerugian larasan perniagaan tahun semasa kepada syarikat berkaitan, Syarikat T. Kedua-dua syarikat tersebut memenuhi syarat kelayakan untuk relif kumpulan.

Had Masa untuk Menyerah Kerugian Larasan

TT				
2019	2020	2021	2022	2023
Tempoh asas bagi TT pertama adalah dua belas (12) bulan.	1 2 3 Tempoh syarikat yang menyerah dibenarkan menyerahkan kerugian larasan perniagaan tahun semasa kepada syarikat yang menuntut			Kerugian larasan perniagaan tahun semasa tidak lagi boleh diserahkan pada TT 2023

- (b) sejurus selepas tempoh asas kedua syarikat yang menyerah memulakan operasi (dalam perenggan ini dirujuk sebagai “tempoh asas kedua”), sekiranya tempoh asas bagi suatu TT pertama syarikat yang menyerah memulakan operasi adalah kurang atau lebih daripada dua belas (12) bulan dan tempoh asas kedua terdiri daripada dua belas (12) bulan.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti Contoh 1 kecuali Syarikat S memulakan operasi perniagaan pada 1.6.2019.

Had Masa untuk Menyerah Kerugian Larasan

TT					
2019	2020	2021	2022	2023	2024
Tempoh asas pertama selain daripada dua belas (12) bulan	Tempoh asas kedua adalah dua belas (12) bulan.	 1 2 3 Tempoh syarikat yang menyerah dibenarkan menyerah kerugian larasan perniagaan tahun semasa kepada syarikat yang menuntut			Kerugian larasan perniagaan tahun semasa tidak lagi boleh diserahkan pada TT 2024

5.2 Layanan cukai untuk relif kumpulan bagi syarikat yang menyerah yang telah memulakan operasi perniagaan sebelum TT 2019 adalah seperti berikut –

- (a) syarikat yang menyerah yang memulakan operasi dalam TT 2017 dibenarkan untuk menyerah kerugian larasan perniagaan tahun semasa bagi TT 2019, TT 2020 dan TT 2021;
- (b) syarikat yang menyerah yang memulakan operasi dalam TT 2016 dibenarkan untuk menyerah kerugian larasan perniagaan tahun semasa bagi TT 2019 dan TT 2020;
- (c) syarikat yang menyerah yang memulakan operasi dalam TT 2015 dibenarkan untuk menyerah kerugian larasan perniagaan tahun semasa sehingga TT 2019; dan
- (d) syarikat yang menyerah yang memulakan operasi sebelum TT 2015 tidak layak untuk menyerah kerugian larasan perniagaan tahun semasa.

6. Kriteria Kelayakan untuk Relif Kumpulan

Kriteria kelayakan untuk relif kumpulan bagi mana-mana TT adalah -

- (a) syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut hendaklah memenuhi kriteria berikut -
 - (i) diperbadankan di Malaysia;
 - (ii) pemastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk TT itu;
 - (iii) merupakan syarikat berkaitan sepanjang tempoh asas untuk TT itu dan tempoh dua belas (12) bulan sebaik sebelum tempoh asas TT tersebut;

- (iv) mempunyai modal berbayar berkenaan syer biasa melebihi RM2,500,000 pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT;
- (v) mempunyai tempoh asas dua belas (12) bulan yang berakhir pada tarikh yang sama;
- (vi) membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk menyerahkan atau menuntut jumlah kerugian larasan perniagaan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan untuk TT tersebut di bawah seksyen 77A ACP; dan
- (vii) tertakluk kepada kadar cukai yang sama seperti yang diperuntukkan di perenggan 2 Bahagian I Jadual 1 ACP; dan
- (b) syarikat yang menuntut hendaklah mempunyai pendapatan agregat ditentukan untuk TT tersebut. Pendapatan agregat ditentukan bagi syarikat yang menuntut berkaitan dengan suatu TT ditentukan seperti berikut -

	RM	RM
Pendapatan agregat		XX
Tolak:		
(i) kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan [Subseksyen 44(2) ACP]	XX	
(ii) perbelanjaan mencari gali yang layak [Jadual 4 ACP]	XX	
(iii) perbelanjaan pra-operasi perniagaan yang layak (perbelanjaan luar negara yang diluluskan) [Jadual 4B ACP]	XX	
(iv) hadiah dan sumbangan [Subseksyen 44(6), 44(6A), 44(8), 44(9), 44(10), 44(11), 44(11A), 44(11B), 44(11C) dan 44(11D) ACP]	XX	XX
Pendapatan agregat ditentukan		<u>XX</u>

7. Tafsiran Syarikat Berkaitan dan Kelayakan untuk Relif Kumpulan

Maksud **syarikat berkaitan** untuk tujuan relif kumpulan diperuntukkan di bawah subseksyen 44A(3) ACP. Syarikat dalam kumpulan yang sama memenuhi syarat kelayakan sebagai syarikat berkaitan sekiranya sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) tahap pemegangan syer biasa dipenuhi. Syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut hendaklah lulus ujian kelayakan untuk relif kumpulan seperti berikut -

Ujian peringkat pertama : Keperluan pemegangan syer biasa di bawah subseksyen 44A(3) ACP; dan

Ujian peringkat kedua : Berhak secara benefisial kepada baki keuntungan dan baki aset yang ada untuk pengagihan kepada pemegang ekuiti syarikat di bawah subseksyen 44A(7) ACP.

Sila rujuk **Lampiran 1** untuk ringkasan kepada langkah-langkah yang perlu diambil dalam menentukan sama ada syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut adalah berkaitan dan layak untuk relif kumpulan.

7.1 Ujian peringkat pertama

Ujian peringkat pertama adalah berkaitan dengan keperluan pemegangan syer biasa (tidak termasuk syer perbendaharaan). Untuk tujuan relif kumpulan, syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut merupakan syarikat berkaitan sekiranya sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) modal berbayar berkaitan syer biasa -

- (a) syarikat yang menyerah dimiliki secara langsung atau tidak langsung (melalui syarikat lain yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia) oleh syarikat yang menuntut; atau
- (b) syarikat yang menuntut dimiliki secara langsung atau tidak langsung (melalui syarikat lain yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia) oleh syarikat yang menyerah; atau
- (c) syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut dimiliki secara langsung atau tidak langsung (melalui syarikat lain yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia) oleh syarikat yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia.

Nota:

- (i) Sebuah syarikat Labuan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [Akta 441] dianggap diperbadankan di Malaysia. Syarikat Labuan termasuklah syarikat Labuan asing yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [Akta 441].
- (ii) Dalam menentukan ambang pemegangan tujuh puluh peratus (70%) syer biasa, apa-apa pemegangan syer biasa secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang tidak diperbadankan dan bukan pemastautin di Malaysia diabaikan.


7.2 Ilustrasi ujian peringkat pertama untuk menentukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan adalah seperti berikut -

Contoh 3

Syarikat P memegang secara langsung 90% syer biasa dalam Syarikat A sementara Syarikat A memegang secara langsung 95% syer biasa dalam

Syarikat B. Ketiga-tiga syarikat berkenaan diperbadankan (i) dan pemastautin (r) di Malaysia.

Struktur Kumpulan Syarikat




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan Pemegangan 70% Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
P & A	90%	Langsung	Ya
A & B	95%	Langsung	Ya
P & B	85.5% = (90% x 95%)	Tidak langsung	Ya

Syarikat P, Syarikat A dan Syarikat B merupakan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan.

Contoh 4

Syarikat P memegang secara langsung 100% syer biasa dalam Syarikat A dan 60% syer biasa dalam Syarikat B. Syarikat A memegang secara langsung 45% syer biasa dalam Syarikat C sementara Syarikat B memegang secara langsung 55% syer biasa dalam Syarikat C. Semua syarikat diperbadankan (i) dan pemastautin (r) di Malaysia.

Struktur Kumpulan Syarikat



Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan Pemegangan 70% Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
P & A	100%	Langsung	Ya
P & B	60%	Langsung	Tidak
P & C	78% [(100% X 45%) + (60% X 55%)]	Tidak langsung	Ya
A & B	P & A = 100% P & B = 60%	Langsung Langsung	Tidak
A & C	P & A = 100% P & C = 78% A & C = 45%	Langsung Tidak langsung Langsung	Ya ¹
B & C	P & B = 60% P & C = 78% B & C = 55%	Langsung Tidak langsung Langsung	Tidak ²

Nota:

¹ Walaupun syarat tidak dipenuhi bagi A & C kerana pemegangan syer kurang 70% tetapi A & C masih ada hubungan melalui pemegangan syer melebihi 70% seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 44A(3)(c) ACP antara P & A dan P & C iaitu A & C dimiliki oleh Syarikat P yang sama.

² Syarat tidak dipenuhi kerana pemegangan syer kurang 70%. Begitu juga jika merujuk kepada perenggan 44(A)(3)(c) ACP kerana hanya P & C yang memegang syer melebihi 70% manakala P & B memegang kurang 70% yang mana B & C tidak dimiliki 70% oleh syarikat yang sama iaitu Syarikat P.


Syarikat P, Syarikat A dan Syarikat C merupakan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan.

Syarikat B tidak memenuhi ujian peringkat pertama kerana Syarikat P hanya memegang secara langsung 60% syer biasa di dalam Syarikat B. Oleh itu, Syarikat B bukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan.

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 kecuali Syarikat P tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia.

Struktur Kumpulan Syarikat



Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan Pemegangan 70% Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
P & A	90%	Langsung	Diabaikan
A & B	95%	Langsung	Ya
P & B	85.5% = (90% x 95%)	Tidak langsung	Diabaikan


Syarikat A dan Syarikat B merupakan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan.

Dalam menentukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan, apa-apa pemegangan syer biasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia hendaklah diabaikan. Syarikat P tidak memenuhi ujian peringkat pertama dan bukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan kerana Syarikat P tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia.

Contoh 6

Fakta adalah sama seperti di Contoh 3 kecuali Syarikat A tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia.

Struktur Kumpulan Syarikat




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan Pemegangan 70% Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
P & A	90%	Langsung	Diabaikan
A & B	95%	Langsung	Diabaikan
P & B	$85.5\% = (90\% \times 95\%)$	Tidak langsung	Diabaikan

Dalam menentukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan, apa-apa pemegangan syer biasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia hendaklah diabaikan. Syarikat P, Syarikat A dan Syarikat B tidak memenuhi ujian peringkat pertama dan bukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan kerana Syarikat A tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4 kecuali Syarikat A diperbadankan (i) tetapi bukan pemastautin (nr) di Malaysia.

Struktur Kumpulan Syarikat




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan Pemegangan 70% Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
P & A	100%	Langsung	Diabaikan
P & B	60%	Langsung	Tidak
P & C	78% [(100% X 45%) + (60% X 55%)]	Tidak langsung	Diabaikan
A & B	P & A = 100% P & B = 60%	Langsung Langsung	Diabaikan
A & C	P & A = 100% P & C = 78%	Langsung Tidak langsung	Diabaikan
B & C	P & B = 60% P & C = 78%	Langsung Tidak langsung	Diabaikan

Dalam menentukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan, apa-apa pemegangan syer biasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia hendaklah diabaikan. Syarikat P, Syarikat A dan Syarikat C tidak memenuhi ujian peringkat pertama dan bukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan kerana Syarikat A bukan pemastautin (nr) di Malaysia. Situasi yang sama akan terpakai jika Syarikat A tidak diperbadankan (ni) di Malaysia tetapi pemastautin (r) di Malaysia.

Contoh 8

Syarikat L, sebuah syarikat Labuan memegang secara langsung 90% syer biasa dalam Syarikat M. Syarikat L telah memilih untuk dicukai di bawah ACP seperti diperuntukkan di bawah seksyen 3A ACAPL berkuat kuasa daripada TT2014.

Struktur Kumpulan Syarikat



Memandangkan Syarikat L telah memilih untuk dicukai di bawah ACP mulai TT2014, Syarikat L dan Syarikat M layak di bawah kriteria diperbadankan (i) dan pemastautin (r) di Malaysia untuk tujuan relif kumpulan.

Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan 70% Pemegangan Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
L & M	90%	Langsung	Ya

Syarikat L dan Syarikat M merupakan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan.

7.3 Ujian peringkat kedua

Walaupun syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut memenuhi ujian peringkat pertama berkenaan keperluan pemegangan tujuh puluh peratus (70%) syer biasa, ujian peringkat kedua berkenaan hak secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut, kepada sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) daripada baki keuntungan dan baki aset yang ada untuk pengagihan kepada pemegang ekuiti syarikat lain mengikut kadar kepentingan pemegangan ekuiti dalam syarikat tersebut masih perlu dipenuhi.

(a) Baki keuntungan

Pemegang syer biasa mesti menunjukkan bahawa mereka berhak secara benefisial, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) daripada baki keuntungan syarikat yang ada untuk pengagihan kepada pemegang

ekuiti syarikat. Pemegang ekuiti sebuah syarikat terdiri daripada pemegang syer biasa dan pemiutang pinjaman bukan komersial.

Pinjaman komersial merupakan pinjaman pada kadar komersial. Pada umumnya, pemberi pinjaman dalam perjanjian pinjaman komersial mempunyai objektif berikut -

- (i) untuk menetapkan syarat-syarat yang mana akan mewajibkannya mengeluarkan dana kepada peminjam di bawah perjanjian pinjaman;
- (ii) untuk membolehkannya memantau keadaan kewangan peminjam dan, apabila perlu, mengambil tindakan remedi sekiranya peminjam mengalami masalah kewangan yang serius; dan
- (iii) untuk memperuntukkan dirinya dengan tuntutan yang boleh dikuatkuasakan secara sah terhadap dananya, atau akses kepada remedi lain, sekiranya peminjam ingkar.

Sekiranya terdapat perjanjian pinjaman di antara pihak berkaitan tetapi tidak terdapat klausa remedi dalam kontrak, pinjaman seperti itu adalah dianggap sebagai pinjaman bukan komersial. Apa-apa pinjaman yang tidak terjatuh di bawah tafsiran pinjaman komersial adalah dianggap sebagai pinjaman bukan komersial.

Nota:

Untuk tujuan KU ini, pinjaman termasuk apa-apa aturan kewangan. Pinjaman di antara pihak berkaitan boleh dilabel dengan menggunakan pelbagai terminologi. Semua transaksi kewangan akan disemak untuk menentukan sama ada transaksi tersebut merupakan pinjaman. Rekod perlu disimpan untuk tujuan ini.

Pengiraan Baki Keuntungan

Butiran	RM	RM
Untung perakaunan (untung bersih sebelum cukai)		XX
Tolak:		
(i) dividen tetap atau dividen pada peratusan tetap daripada nilai syer; dan	XX	
(ii) dividen pada peratusan tetap daripada keuntungan (sebelum memotong apa-apa pulangan yang genap masanya untuk dibayar kepada pemiutang pinjaman bukan komersial yang mana pulangan genap masa tersebut tidak tertakluk	XX	XX

kepada amaun tetap atau kadar peratusan tetap daripada pinjaman atau keuntungan)		
Baki keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti		XX ¹

Nota:

¹ Sekiranya syarikat tidak mempunyai baki keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti, satu amaun nosional sebanyak satu ratus ringgit (RM100) disifatkan sebagai baki keuntungan syarikat tersebut.

(b) Baki aset

Pemegang syer biasa mesti menunjukkan bahawa mereka berhak secara benefisial, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) baki aset syarikat yang ada untuk pengagihan kepada pemegang ekuiti syarikat pada masa penggulungan syarikat.

Baki aset adalah aset bersih -

- (i) yang ada untuk diagihkan kepada pemegang ekuiti jika berlaku penggulungan;
- (ii) selepas dipotong pulangan yang genap masanya untuk dibayar untuk pinjaman komersial dan pengagihan kepada pemegang syer selain syer biasa; dan
- (iii) diagihkan mengikut nisbah yang digunakan bagi tujuan menentukan baki keuntungan.

Sekiranya syarikat tidak mempunyai baki aset yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti, satu amaun nosional sebanyak satu ratus ringgit (RM100) disifatkan sebagai baki aset syarikat tersebut.

- 7.4 Contoh-contoh untuk menentukan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan melalui ujian peringkat pertama berkenaan keperluan pemegangan syer biasa dan ujian peringkat kedua berkenaan hak secara benefisial kepada baki keuntungan dan baki aset -

Contoh 9: Ujian Peringkat Pertama – Keperluan Pemegangan Syer Biasa

Syarikat Z diperbadankan (i) dan pemastautin (r) di Malaysia. Kesemua pemegang syer Syarikat Z, iaitu Syarikat A, Syarikat B dan Syarikat C juga

diperbadankan (i) dan pemastautin (r) di Malaysia. Struktur pemegangan syer Syarikat Z ditunjukkan di dalam jadual berikut –

Jenis Syer Syarikat Z	Hak untuk Berkongsi Keuntungan Berasaskan Pemegangan dalam Modal Syer		Dividen Tetap @ 10% atas Nilai Syer		Dividen Tetap @ 8% + Hak untuk Berkongsi Keuntungan Berasaskan Pemegangan dalam Modal Syer	
	Jenis I RM'000		Jenis II RM'000		Jenis III RM'000	
Pemegang syer	A	B	A	B	A	C
Modal berbayar	1,800	600	400	400	600	200
Syer biasa	Ya	Ya	Bukan	Bukan	Ya	Ya
Peratusan pemegangan syer	$\frac{1,800}{3,200} = 56\%$	$\frac{600}{3,200} = 19\%$	Tidak terpakai	Tidak terpakai	$\frac{600}{3,200} = 19\%$	$\frac{200}{3,200} = 6\%$


Jumlah syer yang diambil kira bagi tujuan penentuan peratusan pemegangan syer adalah RM3,200,000 syer biasa Syarikat Z, iaitu -

- RM2,400,000 syer biasa Jenis I (RM1,800,000 dan RM600,000 syer masing-masing dimiliki oleh Syarikat A dan Syarikat B) yang ayak kepada keuntungan syarikat; dan
- RM800,000 syer biasa Jenis III (RM600,000 dan RM200,000 syer masing-masing dimiliki oleh Syarikat A dan Syarikat C) yang layak kepada dividen tetap dan keuntungan syarikat.

Maka, jumlah peratusan pemegangan syer biasa yang dimiliki oleh:

- Syarikat A adalah 75% (56% + 19%)
- Syarikat B adalah 19%
- Syarikat C adalah 6%

Pemegangan syer biasa dalam Syarikat Z boleh diringkaskan seperti berikut –



Oleh itu, hanya Syarikat A memenuhi ujian peringkat pertama berkenaan keperluan pemegangan 70% syer biasa di bawah subseksyen 44A(3) ACP kerana Syarikat A memegang secara langsung 75% syer biasa di dalam Syarikat Z. Syarikat A dan Syarikat Z merupakan syarikat berkaitan bagi tujuan relif kumpulan.

Walau bagaimanapun, Syarikat A juga perlu memastikan ujian peringkat kedua dipenuhi bagi melayakkannya mendapat relif kumpulan yang mana Syarikat A hendaklah berhak secara benefisial, sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada sekurang-kurangnya 70% daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z.

Nota:

Syer yang mempunyai hak untuk dividen tetap (contoh Jenis II) tidak layak diambil kira bagi tujuan ujian pemegangan syer.

Contoh 10: Ujian Peringkat Kedua – Hak Secara Benefisial kepada Baki Keuntungan dan Baki Aset Syarikat

Fakta adalah sama seperti di Contoh 9 kecuali maklumat tambahan adalah seperti berikut -

- (a) Syarikat Z mempunyai untung perakaunan berjumlah RM500,000 selepas ditolak bayaran pulangan tetap atas dua (2) jenis pinjaman berikut –

Pemiutang Pinjaman	Amaun Prinsipal RM'000	Kadar Pulangan	Pulangan Tahunan RM'000
Pinjaman 1 (Syarikat X)	RM1,000	5% setahun	RM50

Pinjaman komersial			
Pinjaman 2 (Syarikat Y) Pinjaman bukan komersial	RM1,400	3% setahun + hak untuk berkongsi keuntungan berasaskan nilai pinjaman prinsipal	RM42 + mana-mana penyertaan keuntungan yang tidak tetap

Pengiraan Baki Keuntungan Syarikat Z

Butiran	RM'000	RM'000	RM'000
Untung perakaunan (selepas dipotong bayaran pulangan tetap atas pinjaman iaitu RM50,000 dan RM42,000)			500
Tolak:			
Agihan dividen tetap atas syer Jenis II			
Syarikat A RM400,000 x 10%	40		
Syarikat B RM400,000 x 10%	40	80	
Agihan dividen tetap atas syer Jenis III			
Syarikat A RM600,000 x 8%	48		
Syarikat B RM200,000 x 8%	16	64	144
Baki keuntungan			<u>356</u>

Pembahagian baki keuntungan adalah berasaskan nisbah pengagihan antara pemegang ekuiti dengan menggunakan nilai syer biasa dan pinjaman bukan komersial –

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Syarikat A RM'000	Syarikat B RM'000	Syarikat C RM'000	Pemiutang Pinjaman Bukan Komersial Syarikat Y RM'000	Jumlah RM'000
Syer biasa Jenis I	1,800	600	-	-	2,400
Syer biasa Jenis III	600	-	200	-	800
Amaun prinsipal	-	-	-	1,400	1,400

Jumlah	2,400	600	200	1,400	4,600

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Peratusan Baki Keuntungan
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 356 = 187$	$187 / 356 = 52\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 356 = 46$	$46 / 356 = 13\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 356 = 15$	$15 / 356 = 4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersial - Syarikat Y	$(1,400 / 4,600) \times 356 = 108$	$108 / 356 = 31\%$

- (b) Seandainya baki aset Syarikat Z adalah berjumlah RM1,300,000 selepas menolak bayaran pinjaman komersial dan bayaran dividen pada kadar tetap, pengiraan hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki aset Syarikat Z adalah seperti berikut –

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Peratusan Baki Keuntungan
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 1,300 = 678$	$678 / 1,300 = 52\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 1,300 = 170$	$170 / 1,300 = 13\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 1,300 = 56$	$56 / 1,300 = 4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersial - Syarikat Y	$(1,400 / 4,600) \times 1,300 = 396$	$396 / 1,300 = 31\%$

Walaupun Syarikat A memegang syer biasa yang melebihi 70% dalam Syarikat Z (seperti yang ditunjukkan dalam Contoh 10) tetapi Syarikat A tidak mempunyai hak secara benefisial kepada sekurang-kurangnya 70% baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z. Oleh itu, Syarikat A dan Syarikat Z tidak layak untuk relif kumpulan.

Contoh 11

Fakta adalah sama seperti Contoh 10 kecuali pemiutang pinjaman bukan komersial adalah Syarikat A. Ekuiti Syarikat A dalam bentuk syer biasa Jenis I adalah pada nilai RM1,400,000 sebagai pemiutang bukan komersial.

Struktur pemegangan syer dalam Syarikat Z ditunjukkan di dalam jadual berikut –

Jenis Syer Syarikat Z	Hak untuk Berkongsi Keuntungan Berasaskan Pemegangan Modal Syer		Dividen Tetap @ 10% atas Nilai Syer		Dividen Tetap @ 8% + Hak untuk Berkongsi Keuntungan Berasaskan Pemegangan Modal Syer	
	Jenis I RM'000		Jenis II RM'000		Jenis III RM'000	
Pemegang syer	A	B	A	B	A	C
Modal berbayar	3,000	600	400	400	600	200
Syer biasa	Ya	Ya	Bukan	Bukan	Ya	Ya
Peratusan pemegangan syer	$\frac{3,000}{4,400}$ = 68%	$\frac{600}{4,400}$ = 14%	Tidak terpakai	Tidak terpakai	$\frac{600}{4,400}$ = 14%	$\frac{200}{4,400}$ = 4%

Jumlah syer yang diambil kira bagi tujuan penentuan peratusan pemegangan syer adalah RM4,400,000 syer biasa Syarikat Z, iaitu -

- RM3,600,000 syer biasa Jenis I (RM3,000,000 dan RM600,000 syer masing-masing dimiliki Syarikat A dan Syarikat B) yang layak kepada keuntungan syarikat; dan
- RM800,000 syer biasa Jenis III (RM600,000 dan RM200,000 syer masing-masing dimiliki Syarikat A dan Syarikat C) yang layak kepada dividen tetap dan keuntungan syarikat.

Maka, jumlah peratusan pemegangan syer biasa yang dimiliki oleh -

- Syarikat A adalah 82% (68% + 14%)
- Syarikat B adalah 14%

(iii) Syarikat C adalah 4%

Syarikat Z mempunyai dua (2) jenis pinjaman berikut –

Pemiutang Pinjaman	Amaun Prinsipal RM'000	Kadar Pulangan	Pulangan Tahunan RM'000
Pinjaman 1 (Syarikat X) Pinjaman komersial	RM1,000	5% setahun	RM50
Pinjaman 2 (Syarikat A) Pinjaman bukan komersial	RM1,400	3% setahun + hak untuk berkongsi keuntungan berasaskan nilai pinjaman prinsipal	RM42 + mana-mana penyertaan keuntungan yang tidak tetap

Pengiraan baki keuntungan Syarikat Z adalah seperti ditunjukkan dalam Contoh 10. Pembahagian baki keuntungan adalah berasaskan nisbah pengagihan di antara pemegang ekuiti dengan menggunakan nilai syer biasa dan pinjaman bukan komersial –

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Syarikat A RM'000	Syarikat B RM'000	Syarikat C RM'000	Pemiutang Pinjaman Bukan Komersial Syarikat A RM'000	Jumlah RM'000
Syer biasa Jenis I	3,000	600	-	-	3,600
Syer biasa III	600	-	200	-	800
Amaun prinsipal	-	-	-	1,400	1,400
Jumlah	3,600	600	200	1,400	5,800

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Peratusan Baki Keuntungan
Syarikat A	$(3,600 / 5,800) \times 356 = 221$	$221 / 356 = 62\%$
Syarikat B	$(600 / 5,800) \times 356 = 37$	$37 / 356 = 10\%$
Syarikat C	$(200 / 5,800) \times 356 = 12$	$12 / 356 = 4\%$

Pemiutang pinjaman bukan komersial - Syarikat A	$(1,400 / 5,800) \times 356 = 86$	$86 / 356 = 24\%$
---	-----------------------------------	-------------------

Seandainya baki aset Syarikat Z adalah berjumlah RM1,300,000 selepas memotong bayaran pinjaman komersial dan bayaran dividen pada kadar tetap, pengiraan hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki aset Syarikat Z adalah seperti berikut -

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Peratusan Baki Aset
Syarikat A	$(3,600 / 5,800) \times 1,300 = 807$	$807 / 1,300 = 62\%$
Syarikat B	$(600 / 5,800) \times 1,300 = 134$	$134 / 1,300 = 10\%$
Syarikat C	$(200 / 5,800) \times 1,300 = 45$	$45 / 1,300 = 4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersial - Syarikat A	$(1,400 / 5,800) \times 1,300 = 314$	$314 / 1,300 = 24\%$

Hak Syarikat A kepada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z adalah seperti berikut -

- (i) Hak benefisial Syarikat A kepada baki keuntungan –

$$62\% + 24\% = 86\%$$

Oleh itu, hak benefisial Syarikat A kepada baki keuntungan Syarikat Z melebihi keperluan 70%.

- (ii) Hak benefisial Syarikat A kepada baki aset –

$$62\% + 24\% = 86\%$$

Syarikat A kini memenuhi ujian peringkat kedua iaitu berhak kepada sekurang-kurangnya 70% daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z. Oleh itu, Syarikat A dan Syarikat Z layak untuk relif kumpulan.

Contoh 12

Fakta adalah sama seperti Contoh 10 kecuali Syarikat Z tiada baki keuntungan dan tiada baki aset. Amaun nosional RM100 dianggap sebagai baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z.

(a) **Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan Syarikat Z**

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Peratusan Baki Keuntungan
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 100 = 52$	$52 / 100 = 52\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 100 = 13$	$13 / 100 = 13\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 100 = 4$	$4 / 100 = 4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersial - Syarikat Y	$(1,400 / 4,600) \times 100 = 30$	$31 / 100 = 31\%$

(b) **Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset Syarikat Z**

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Peratusan Baki Aset
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 100 = 52$	$52 / 100 = 52\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 100 = 13$	$13 / 100 = 13\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 100 = 4$	$4 / 100 = 4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersial - Syarikat Y	$(1,400 / 4,600) \times 100 = 30$	$31 / 100 = 31\%$

Walaupun Syarikat A memenuhi ujian peringkat pertama dengan memegang syer biasa yang melebihi 70% dalam Syarikat Z (seperti ditunjukkan dalam Contoh 10) tetapi Syarikat A tidak memenuhi ujian peringkat kedua dengan mempunyai hak benefisial kepada sekurang-kurangnya 70% daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z. Oleh itu, Syarikat A dan Syarikat Z tidak layak untuk relif kumpulan.

Contoh 13

Syarikat P, sebuah syarikat induk dan semua syarikat subsidiarinya iaitu Syarikat A, Syarikat B, Syarikat C, Syarikat D, Syarikat E dan Syarikat X kecuali Syarikat HK diperbadankan (i) dan pemastautin (r) di Malaysia. Syarikat HK diperbadankan dan pemastautin di Hong Kong. Kumpulan

syarikat tersebut mempunyai tempoh perakaunan yang sama iaitu berakhir 31 Disember.

Bagi TT 2023, Syarikat E mempunyai kerugian larasan daripada perniagaan berjumlah RM2,000,000 untuk diserahkan kepada syarikat yang menuntut iaitu Syarikat A, Syarikat B dan Syarikat C. Syarikat yang menyerah dan setiap syarikat yang menuntut mempunyai tempoh asas dua belas (12) bulan yang berakhir pada tarikh yang sama iaitu 31 Disember bagi TT 2023. Modal berbayar syer dan struktur pemegangan syer biasa kumpulan adalah seperti berikut -


Pemegang Syer / Pemegangan Syer	Hak untuk Berkongsi Keuntungan Berasaskan Pemegangan dalam Modal Syer					
Syarikat P	Syarikat A	Syarikat B	Syarikat C	Syarikat D	Syarikat X	Syarikat HK
Modal berbayar (RM'000)	3,000	3,000	2,800	900 ²	1,000 ³	4,000 ⁴
Peratusan pemegangan syer oleh Syarikat P	100%	85%	100%	70%	100%	90%

Pemegang Syer / Pemegangan Syer	Hak untuk Berkongsi Keuntungan Berasaskan Pemegangan dalam Modal Syer
Syarikat D	Syarikat E
Modal berbayar (RM'000)	5,000
Peratusan pemegangan syer oleh Syarikat D	100%

Pinjaman Syarikat C dengan pulangan yang tidak berasaskan amaun tetap atau kadar tetap daripada jumlah pinjaman atau keuntungan syarikat adalah seperti berikut -

- (a) RM2,000,000 daripada Syarikat X;
- (b) RM5,000,000 daripada Syarikat HK; dan
- (c) Pendahuluan berjumlah RM2,500,000 daripada pengarah dengan pulangan yang tidak berasaskan amaun tetap atau kadar tetap daripada jumlah pinjaman atau keuntungan syarikat.

Struktur Pemegangan Syer Biasa Kumpulan Syarikat



Memandangkan Syarikat P dan kesemua syarikat subsidiari mempunyai tahun perakaunan yang sama, syarat tahun perakaunan yang sama untuk syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut dipenuhi.

Bagi menentukan sama ada syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut dalam satu kumpulan layak untuk relif kumpulan, kedua-dua ujian berikut perlu dilakukan.

Ujian Peringkat Pertama

Keperluan syarat pemegangan syer biasa untuk menentukan sama ada syarikat merupakan syarikat berkaitan adalah seperti berikut –

Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Syer Biasa		Keperluan Pemegangan 70% Syer Biasa Dipenuhi?
	Peratusan (%)	Hubungan	
P & A	100%	Langsung	Ya
P & B	85%	Langsung	Ya

P & C	100%	Langsung	Ya
P & E	70% [70% X 100%]	Tidak langsung	Ya

Syarikat A, Syarikat B, Syarikat C dan Syarikat E memenuhi ujian peringkat pertama berkenaan keperluan pemegangan 70% syer biasa di bawah subseksyen 44A(3) ACP. Syarikat E (syarikat yang menyerah) adalah syarikat berkaitan dengan syarikat-syarikat yang menuntut iaitu Syarikat A, Syarikat B dan Syarikat C bagi tujuan relif kumpulan.

Nota:

- 2, 3, 4 Kedua-dua Syarikat D dan Syarikat X tidak layak untuk relif kumpulan kerana mempunyai modal berbayar berkaitan dengan syer biasa yang kurang daripada RM2,500,000 pada permulaan tempoh asas bagi TT2023. Syarikat HK juga tidak layak untuk relif kumpulan kerana tidak diperbadankan (ni) dan bukan pemastautin (nr) di Malaysia.

Nilai syer biasa, pinjaman bukan komersial, baki keuntungan dan baki aset syarikat berkaitan dalam kumpulan adalah seperti berikut –

Syarikat	Nilai Syer Biasa yang Dipegang oleh Syarikat P (RM'000)	Nilai Pinjaman Bukan Komersial (RM'000)	Jumlah (RM'000)	Baki Keuntungan untuk Pengagihan ⁶ (RM'000)	Baki Aset untuk Pengagihan ⁷ (RM'000)
Syarikat A	3,000	Tiada	3,000	100	500
Syarikat B	2,550	Tiada	2,550	100	500
Syarikat C	2,800	9,500 ⁵	12,300	100	500
Syarikat E	3,500	Tiada	3,000	100	500

Pengiraan Nilai Pinjaman Bukan Komersial Syarikat C

	RM'000
⁵ Pinjaman bukan komersial daripada Syarikat X	2,000
Pinjaman bukan komersial daripada Syarikat HK	5,000
Pinjaman bukan komersial daripada pengarah syarikat	2,500
	<u>9,500</u>

Nota -

^{6, 7,} Amaun baki keuntungan dan baki aset yang digunakan adalah untuk tujuan contoh sahaja.

Ujian Peringkat Kedua

Hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki keuntungan dan baki aset syarikat adalah berasaskan nisbah pembahagian dengan menggunakan nilai syer biasa dan pinjaman bukan komersial.

(a) Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan

Bahagian baki keuntungan ditentukan seperti berikut -

$$\frac{\text{Nilai syer biasa + nilai pinjaman bukan komersial yang berkaitan dengan suatu pemegang ekuiti}}{\text{Nilai syer biasa + nilai pinjaman bukan komersial yang berkaitan dengan semua pemegang ekuiti}} \times \text{Baki keuntungan syarikat}$$

Pemegang Ekuiti Syarikat A (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Keuntungan (%)
Syarikat P	$(3,000 / 3,000) \times 100 = 100$	$100 / 100 = 100\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat B (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Keuntungan (%)
Syarikat P	$(2,550 / 3,000) \times 100 = 85$	$85 / 100 = 85\%$
Lain-lain	$(450 / 3,000) \times 100 = 15$	$15 / 100 = 15\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat C (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Keuntungan (%)
Syarikat P	$(2,800 / 12,300) \times 100 = 23$	$23 / 100 = 23\%$
Syarikat X	$(2,550 / 12,300) \times 100 = 16$	$16 / 100 = 16\%$

Syarikat HK	$(2,550 / 12,300) \times 100 = 41$	$41 / 100 = 41\%$
Pengarah syarikat	$(2,550 / 12,300) \times 100 = 20$	$20 / 100 = 20\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat E (Tidak Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Keuntungan (%)
Syarikat P	Syarikat P & Syarikat D $(70\% \times 100\%) \times 100 = 70$	$70 / 100 = 70\%$

(b) Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset

Bahagian baki aset ditentukan seperti berikut -

Nilai syer biasa + nilai pinjaman bukan komersial yang berkaitan dengan suatu pemegang ekuiti

Nilai syer biasa + nilai pinjaman bukan komersial yang berkaitan dengan semua pemegang ekuiti

X Baki aset syarikat

Pemegang Ekuiti Syarikat A (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	$(3,000 / 3,000) \times 500 = 500$	$500 / 500 = 100\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat B (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	$(2,550 / 3,000) \times 500 = 425$	$425 / 500 = 85\%$
Lain-lain	$(450 / 3,000) \times 500 = 75$	$75 / 500 = 15\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat C (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	$(2,800 / 12,300) \times 500 = 114$	$114 / 500 = 23\%$
Syarikat X	$(2,000 / 12,300) \times 500 = 81$	$81 / 500 = 16\%$
Syarikat HK	$(5,000 / 12,300) \times 500 = 203$	$203 / 500 = 41\%$
Pengarah syarikat	$(2,500 / 12,300) \times 500 = 102$	$102 / 500 = 20\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat E (Tidak Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM'000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	Syarikat P & Syarikat D $(70\% \times 100\%) \times 500 = 350$	$350 / 500 = 70\%$

Penentuan Kelayakan bagi Relif Kumpulan untuk Syarikat yang Menyerah dan Syarikat yang Menuntut Berasaskan Ujian Peringkat Pertama dan Ujian Peringkat Kedua

Syarikat yang Menyerah dan Syarikat yang Menuntut	Ujian Peringkat Pertama dan Peringkat Kedua	Kelayakan bagi Relif Kumpulan
Syarikat A & Syarikat E	(a) Syarikat P memegang secara langsung 100% syer biasa dalam Syarikat A dan memegang secara tidak langsung 70% syer biasa dalam Syarikat E melalui Syarikat D. Oleh itu, pemegangan 70% syer biasa dalam kedua-dua Syarikat A (syarikat yang menuntut) dan Syarikat E (syarikat yang menyerah) adalah dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh syarikat lain, iaitu Syarikat P yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia. Ujian peringkat pertama dipenuhi.	Ya

	(b) Syarikat P mempunyai hak benefisial 100% secara langsung dan 70% secara tidak langsung masing-masing daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat A dan Syarikat E. Ujian peringkat kedua juga dipenuhi.	
Syarikat B & Syarikat E	(a) Syarikat P memegang secara langsung 85% syer biasa dalam Syarikat B dan memegang secara tidak langsung 70% syer biasa dalam Syarikat E melalui Syarikat D. Oleh itu, pemegangan 70% syer biasa dalam kedua-dua Syarikat B (syarikat menuntut) dan Syarikat E (syarikat menyerah) adalah dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh syarikat, iaitu Syarikat P yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia. Ujian peringkat pertama dipenuhi. (b) Syarikat P mempunyai hak benefisial 85% secara langsung dan 70% secara tidak langsung masing-masing daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat B dan Syarikat E. Ujian peringkat kedua juga dipenuhi.	Ya
Syarikat C & Syarikat E	(a) Syarikat P memegang secara langsung 100% syer biasa dalam Syarikat C dan memegang secara tidak langsung 70% syer biasa dalam Syarikat E melalui Syarikat D. Oleh itu, pemegangan 70% syer biasa dalam kedua-dua Syarikat C (syarikat menuntut) dan Syarikat E (syarikat menyerah) adalah dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh syarikat, iaitu Syarikat P yang diperbadankan dan pemastautin di Malaysia.	Tidak

	Ujian peringkat pertama dipenuhi. (b) Syarikat P mempunyai hak benefisial 70% secara tidak langsung daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat E melalui Syarikat D. Syarikat P mempunyai hak benefisial 39% [23% (langsung) dan 16% (tidak langsung) melalui Syarikat X] secara tidak langsung daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat C. Ujian peringkat kedua tidak dipenuhi. Nota: Hak benefisial Syarikat P 41% secara tidak langsung daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat C melalui Syarikat HK, sebuah syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia dan bukan pemastautin di Malaysia adalah diabaikan.	
--	---	--

Nota:

Bagi tujuan menentukan hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki keuntungan dan baki aset dalam sebuah syarikat di bawah subseksyen 44A(7) ACP, pinjaman bukan komersial yang diperolehi daripada syarikat bukan pemastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia dan syarikat pengantara lain mesti diambil kira.

8. Tahap Pemegangan Syer Biasa Perlu Dikekalkan

Bagi tujuan relif kumpulan, tahap pemegangan syer biasa mesti dikekalkan pada atau melebihi 70% oleh kedua-dua syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut sepanjang tempoh asas bagi suatu TT dan dua belas (12) bulan sebaik sebelum tempoh asas itu.

Contoh 14

Syarikat A (syarikat yang menuntut) memegang secara langsung 70% modal berbayar syer biasa dalam Syarikat B (syarikat yang menyerah), sebuah syarikat berkaitan untuk tempoh asas 1.1.2022 hingga 31.12.2022 dan 1.1.2023 hingga 31.12.2023.

Kedudukan Pemegangan Syer

	70% syer biasa	70% syer biasa	
1.1.2022	31.12.2022	1.1.2023	31.12.2023

Tiada perubahan dalam pemegangan 70% syer biasa dalam tempoh asas dalam TT 2023 dan tempoh 12 bulan sebaik sebelum tempoh asas itu.

Ujian peringkat kedua berkenaan hak benefisial kepada baki keuntungan dan baki aset Syarikat B yang ada untuk diagihkan kepada Syarikat A harus dijalankan pada tarikh tempoh perakaunan ditutup iaitu pada 31.12.2023 untuk menentukan sama ada Syarikat A dan Syarikat B memenuhi ujian tersebut.

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti Contoh 14 kecuali pada 2.1.2023 terdapat perubahan dalam pemegangan syer biasa Syarikat A (syarikat yang menuntut) daripada 70% kepada 78% modal berbayar syer biasa Syarikat B (syarikat yang menyerah), sebuah syarikat berkaitan masing-masing untuk tempoh asas 1.1.2022 hingga 31.12.2022 dan 1.1.2023 hingga 31.12.2023.

Kedudukan Pemegangan Syer

	70% syer biasa	78% syer biasa	
1.1.2022	31.12.2022	2.1. 2023	31.12. 2023

Ujian pemegangan syer biasa harus dilakukan pada tarikh terdapat perubahan dalam pemegangan syer daripada 70% kepada 78%. Memandangkan 70% pemegangan syer biasa telah dipenuhi bagi TT2023, ujian baki keuntungan dan baki aset harus dijalankan pada tarikh tempoh perakaunan ditutup iaitu pada 31.12.2023.

Contoh 16

Fakta adalah sama seperti Contoh 14 kecuali terdapat perubahan dalam pemegangan syer biasa Syarikat A (syarikat yang menuntut) pada 2.1.2023 daripada 70% kepada 69% modal berbayar syer biasa di dalam Syarikat B (syarikat yang menyerah), sebuah syarikat berkaitan masing-masing untuk tempoh asas 1.1.2022 hingga 31.12.2022 dan 1.1.2023 hingga 31.12.2023.

Kedudukan Pemegangan Syer

	70% syer biasa	69% syer biasa	
1.1.2022	31.12.2022	2.1.2023	31.12.2023

Memandangkan 70% pemegangan syer biasa tidak dipenuhi dalam tempoh asas 1.1.2023 hingga 31.12.2023, kedua-dua syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut tidak layak untuk relif kumpulan.

9. Pengiraan Relif Kumpulan

Mana-mana syarikat layak, yang mempunyai kerugian larasan daripada perniagaan boleh menyerah kerugian tersebut kepada syarikat berkaitan untuk mana-mana TT. Penentuan kerugian larasan daripada perniagaan ditentukan menurut subseksyen 44A(4) ACP yang mana -

- (a) jumlah atau jumlah agregat kerugian larasan daripada perniagaan atau lebihan jumlah tersebut bagi syarikat yang menyerah untuk TT itu ditentukan di bawah subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP;
- (b) jumlah kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan kepada syarikat yang menuntut sebagai potongan dalam penentuan jumlah pendapatan syarikat yang menuntut adalah menurut subseksyen 44(1) ACP; dan
- (c) jumlah kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan tidak boleh melebihi pendapatan agregat ditentukan bagi syarikat yang menuntut untuk TT itu.

Contoh 17

Syarikat A mula beroperasi pada 1.1.2020 dan menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat A dan Syarikat B adalah syarikat berkaitan yang layak untuk relif kumpulan. Dalam TT 2021, Syarikat A mengalami kerugian manakala Syarikat B mempunyai keuntungan. Kedua-dua syarikat bersetuju untuk menggunakan relif kumpulan yang mana Syarikat A (syarikat yang menyerah) bersetuju untuk menyerahkan 70% daripada kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan kepada Syarikat B (syarikat yang menuntut). Pilihan untuk relif kumpulan dibuat bagi TT 2021.

Diandaikan Syarikat A mempunyai pendapatan berkanun daripada sewa sebanyak RM20,000 (Senario 1) atau RM40,000 (Senario 2) bagi TT 2021, pengiraan kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan oleh Syarikat A adalah seperti berikut -

Pengiraan Kerugian Larasan daripada Perniagaan yang Diserah oleh Syarikat A bagi TT 2021

Butiran	Senario 1	Senario 2
	RM	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan (kerugian larasan perniagaan tahun semasa RM100,000)	Tiada	Tiada

Pendapatan berkanun daripada sewa	20,000	40,000
Pendapatan agregat	20,000	40,000
Tolak:		
Kerugian larasan perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(2) ACP]	(20,000)	(40,000)
Jumlah pendapatan	Tiada	Tiada
Lebihan kerugian larasan perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP]	(80,000)	(60,000)
Kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang diserahkan kepada Syarikat B (70% daripada lebihan kerugian larasan perniagaan tahun semasa)	(56,000)	(42,000)
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan (h/h)	(24,000)	(18,000)

Amaun kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang diserahkan oleh Syarikat A kepada Syarikat B dalam TT 2021 adalah 70% daripada lebihan kerugian larasan perniagaan tahun semasa Syarikat A selepas memotong amaun yang sama daripada pendapatan agregat bagi TT tersebut.

Contoh 18

Syarikat A mula beroperasi pada 1.1.2020 dan menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat A dan Syarikat B adalah syarikat berkaitan yang layak untuk relif kumpulan. Syarikat A mengalami kerugian untuk TT 2021, TT 2022, TT 2023 dan TT 2024 manakala Syarikat B mempunyai keuntungan. Kedua-dua syarikat bersetuju untuk memilih relif kumpulan yang mana Syarikat A (syarikat yang menyerah) bersetuju menyerahkan 70% daripada kerugian larasan tahun semasa daripada perniagaan kepada Syarikat B (syarikat yang menuntut) untuk TT 2021 dan TT 2022. Syarikat B bersetuju untuk menuntut kerugian tersebut. Tuntutan relif kumpulan masing-masing dibuat untuk TT 2021 dan TT 2022.

Pengiraan Relif Kumpulan bagi TT 2021 (Tahun 1)

Syarikat A (Syarikat Menyerah)	RM	Syarikat B (Syarikat Menuntut)	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan I (kerugian larasan perniagaan tahun semasa RM300,000)	Tiada	Pendapatan berkanun daripada perniagaan I	200,000
Pendapatan berkanun daripada perniagaan II	Tiada	Pendapatan berkanun daripada perniagaan II	20,000

(kerugian larasan perniagaan tahun semasa RM50,000)			
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan I dan II	Tiada	Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan I dan II	220,000
Tambah:		Tambah:	
Pendapatan berkanun daripada sewa	60,000	Pendapatan berkanun daripada sewa	50,000
Pendapatan agregat	60,000	Pendapatan agregat	270,000
Tolak:		Tolak:	
Kerugian larasan perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(2) ACP]	(60,000)	Derma [subseksyen 44(6) ACP]	(20,000)
Tolak:	Tiada	Pendapatan agregat ditentukan	250,000
Derma (RM10,000) [subseksyen 44(6) ACP]	Tiada	Tolak:	
		Kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang dipindahkan daripada Syarikat A	(203,000)
Jumlah pendapatan	Tiada	Jumlah pendapatan	47,000
Lebihan kerugian larasan perniagaan tahun semasa (RM350,000 – RM60,000) [subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP]	(290,000)		
Kerugian larasan perniagaan tahun semasa diserahkan kepada Syarikat B (RM290,000 x 70%)	203,000		
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h	(87,000)		
Jumlah kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap RM87,000 kekal			

dengan syarikat yang
menyerah

Pengiraan Relif Kumpulan bagi TT 2022 (Tahun 2)

Syarikat A (Syarikat Menyerah)	RM	Syarikat B (Syarikat Menuntut)	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan I (kerugian larasan perniagaan tahun semasa 200,000)	Tiada	Pendapatan berkanun daripada perniagaan I	50,000
Pendapatan berkanun daripada perniagaan II	60,000	Pendapatan berkanun daripada perniagaan II	40,000
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan I dan II	60,000	Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan I dan II	90,000
Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan (b/h) [subseksyen 43(2) ACP]	(60,000)	Tambah: Pendapatan berkanun daripada sewa	20,000
Tambah: Pendapatan berkanun daripada sewa	50,000	Pendapatan agregat ditentukan Tolak: Kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang dipindahkan daripada Syarikat A	110,000 (105,000)
Pendapatan agregat	50,000	Jumlah pendapatan	5,000
Tolak: Kerugian larasan perniagaan tahun semasa [subseksyen 44(2) ACP]	(50,000)		
Jumlah pendapatan	Tiada		

Lebih kerugian lasaran perniagaan tahun semasa (RM200,000 – RM50,000) [subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP]	(150,000)		
Kerugian lasaran perniagaan tahun semasa diserahkan kepada Syarikat B (RM150,000 x 70%)	105,000		
Kerugian lasaran perniagaan yang tidak dapat diserap b/h (RM87,000 – RM60,000)	(45,000) (27,000)		
Kerugian lasaran perniagaan yang tidak dapat diserap h/h	(72,000)		
Jumlah kerugian lasaran perniagaan yang tidak dapat diserap RM72,000 kekal dengan syarikat yang menyerah			

Bagi tujuan relif kumpulan, had masa tiga (3) TT berturut-turut untuk Syarikat A menyerahkan kerugian lasaran daripada perniagaan kepada syarikat berkaitan bermula sejurus selepas TT2020. Oleh itu, Syarikat A layak untuk relif kumpulan bagi TT2021, TT2022 dan TT2023. Syarikat A tidak lagi layak menikmati relif kumpulan mulai TT2024.

10. Lebih daripada Satu Syarikat yang Menyerah atau Syarikat yang Menuntut

- 10.1 Sebuah syarikat yang menyerah boleh menyerahkan kerugian lasaran daripada perniagaan kepada satu atau lebih syarikat berkaitan (syarikat yang menuntut). Syarikat yang menyerah hendaklah menyerahkan amaun kerugian lasaran daripada perniagaan untuk dipotong sepenuhnya daripada amaun pendapatan agregat ditentukan syarikat yang menuntut pertama. Apa-apa baki kerugian tersebut boleh diserahkan kepada syarikat yang menuntut yang kedua dan seterusnya mengikut susunan keutamaan.
- 10.2 Sebuah syarikat yang menuntut juga boleh menuntut kerugian lasaran daripada perniagaan daripada satu atau lebih syarikat berkaitan (syarikat yang menyerah). Kerugian lasaran daripada perniagaan yang diserahkan oleh syarikat yang menyerah pertama hendaklah dipotong sepenuhnya daripada

pendapatan agregat ditentukan syarikat yang menuntut sebelum kerugian larasan daripada perniagaan syarikat yang menyerah kedua dipotong daripada pendapatan agregat ditentukan syarikat yang menuntut dan seterusnya mengikut keutamaan.

- 10.3 kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan atau dituntut hendaklah mengikut susunan keutamaan. Kedua-dua syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut hendaklah memastikan susunan keutamaan dengan membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik dalam borang yang ditetapkan iaitu Borang C (RK-S) – Borang Relif Kumpulan bagi Syarikat Menyerah dan Borang C (RK-T) – Borang Relif Kumpulan bagi Syarikat Menuntut bersama-sama dengan BNCP.
- 10.4 Jika kerugian larasan daripada perniagaan tidak boleh digunakan mengikut susunan keutamaan yang ditentukan oleh mana-mana syarikat yang menyerah atau syarikat yang menuntut, jumlah kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan atau dituntut hendaklah dikendalikan sebagaimana yang difikirkan munasabah dan berpatutan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).
- 10.5 Amaun kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan hendaklah diabaikan untuk tujuan menentukan pendapatan agregat syarikat yang menyerah di bawah seksyen 43 ACP.
- 10.6 Jumlah kerugian yang boleh dipindahkan adalah tertakluk kepada pendapatan agregat ditentukan syarikat yang menuntut. Sekiranya apa-apa kerugian larasan daripada perniagaan melebihi pendapatan agregat ditentukan bagi syarikat yang menuntut, bakinya akan disimpan oleh syarikat yang menyerah sebagai kerugian larasan daripada perniagaan yang tidak dapat diserap.
- 10.7 Kerugian larasan daripada perniagaan yang tidak dapat diserap ini boleh digunakan untuk dipotong daripada agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan syarikat yang menyerah dalam TT berikutnya, terhad kepada tempoh sepuluh (10) TT yang berturut-turut. Untuk penjelasan lanjut berkenaan had masa bagi kerugian larasan perniagaan yang belum diserap atau tidak dapat diserap dihantar ke hadapan, sila rujuk KU No 1/2022 bertajuk Had Masa bagi Kerugian Larasan Perniagaan yang Tidak Dapat Diserap Dihantar ke Hadapan, yang boleh diperolehi di www.hasil.gov.my, portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- 10.8 Jika syarikat yang menyerah tersilap menyerahkan kerugian larasan daripada perniagaan kepada syarikat yang menuntut yang mempunyai kerugian atau tidak mempunyai pendapatan agregat ditentukan, kerugian yang diserahkan tidak boleh diserahkan kepada syarikat yang menuntut yang lain tetapi hendaklah dikembalikan kepada syarikat yang menyerah.

Contoh 19

Syarikat A, Syarikat B, Syarikat C, Syarikat X, Syarikat Y dan Syarikat Z adalah syarikat berkaitan dan layak untuk relif kumpulan. Syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut telah menentukan susunan keutamaan dan telah membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik dalam Borang C (RK-S) serta Borang C (RK-T).

Ringkasan kerugian yang diserahkan dan dituntut mengikut susunan keutamaan syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut ditunjukkan di dalam jadual seperti berikut –

Butiran	Syarikat yang Menyerah			Syarikat yang Menuntut		
	Syarikat A	Syarikat B	Syarikat C	Syarikat X	Syarikat Y	Syarikat Z
70% kerugian pasaran daripada perniagaan	(40,000)	(140,000)	(80,000)			
Susunan keutamaan	Z – (40,000)	1. X – (65,000) 2. Y – (25,000) 3. Z – (15,000)	Y – (80,000)			
Pendapatan agregat ditentukan				65,000	105,000	55,000
Susunan keutamaan				B – (65,000)	1. C – (80,000) 2. B – (25,000)	1. A – (40,000) 2. B – (15,000)

Bagi syarikat yang menyerah, Syarikat A dan Syarikat C, 70% kerugian pasaran daripada perniagaan Syarikat A dan Syarikat C, masing-masing sebanyak RM40,000 dan RM80,000 dipindahkan sepenuhnya kepada syarikat yang menuntut, iaitu Syarikat Z dan Syarikat Y.

Bagi Syarikat B, susunan keutamaan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual dan baki kerugian sebanyak RM35,000 (RM140,000 – RM65,000 – RM25,000 – RM15,000) yang tidak dapat diserahkan hendaklah disimpan oleh Syarikat B untuk dihantar ke hadapan ke TT berikutnya.

Syarikat Menuntut X

Butiran	RM
Pendapatan agregat ditentukan	65,000
Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang dipindahkan daripada Syarikat B	(65,000)
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

Syarikat Menuntut Y

Butiran	RM
Pendapatan agregat ditentukan	105,000
Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang dipindahkan daripada Syarikat C	(85,000)
	<u>25,000</u>
Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang dipindahkan daripada Syarikat B	(25,000)
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

Syarikat Menuntut Z

Butiran	RM
Pendapatan agregat ditentukan	55,000
Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang dipindahkan daripada Syarikat A	(40,000)
	<u>15,000</u>
Tolak: Kerugian larasan perniagaan yang dipindahkan daripada Syarikat B	(15,000)
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

11. Pindaan Kerugian Larasan daripada Perniagaan

- 11.1 Jika sebuah syarikat yang menyerah telah memfailkan BNCP untuk suatu TT tertentu dan sekiranya terdapat pindaan kepada pengiraan cukai yang menyebabkan -
- (a) kerugian larasan daripada perniagaan yang ada untuk diserahkan selepas pindaan pengiraan cukai melebihi jumlah yang telah diserahkan kepada syarikat yang menuntut, syarikat yang menyerah tidak dibenarkan untuk meminda kerugian yang telah diserahkan kepada syarikat yang menuntut. Perbezaan kerugian tersebut hendaklah dibawa ke hadapan oleh syarikat yang menyerah.
 - (b) kerugian larasan daripada perniagaan yang ada untuk diserahkan selepas pindaan pengiraan cukai kurang daripada jumlah yang telah diserahkan kepada syarikat yang menuntut, syarikat yang menyerah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat tersebut.
- 11.2 Syarikat yang menuntut yang terjejas dengan pengurangan kerugian larasan daripada perniagaan yang ada untuk diserahkan oleh syarikat yang menyerah, juga perlu memaklumkan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat tersebut.
- 11.3 Sekiranya sebuah syarikat dengan sengaja menuntut jumlah kerugian larasan daripada perniagaan yang melebihi jumlah yang diserahkan oleh syarikat yang menyerah, syarikat yang menuntut mungkin boleh dikenakan tindakan di bawah subseksyen 114(1) ACP.
- 11.4 Jika sebuah syarikat pada mulanya melaporkan sejumlah pendapatan bercukai di dalam BNCP dan kemudiannya, jumlah pendapatan bercukai dikurangkan kepada kerugian larasan daripada perniagaan (selepas pelarasan tertentu), syarikat tersebut tidak dibenarkan menyerahkan kerugian larasan daripada perniagaan kepada syarikat berkaitannya.

12. Penalti untuk Maklumat Tidak Betul

- 12.1 Menurut perenggan 44A(9)(a) ACP, sekiranya KPHDN mengetahui kerugian larasan daripada perniagaan tidak sepatutnya dipotong dalam menentukan jumlah pendapatan syarikat yang menuntut, KPHDN boleh, dalam tahun itu atau dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhirnya tahun tersebut, membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan ke atas syarikat yang menuntut untuk mendapat balik kehilangan cukai. Ini dijelaskan dalam gambar rajah di bawah –



KPHDN boleh membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam TT 2018 atau dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhirnya TT 2018, iaitu mulai TT 2019 hingga TT 2023 sekiranya dalam TT 2018 tersebut KPHDN mengetahui kerugian larasan daripada perniagaan tidak sepatutnya ditolak dalam menentukan jumlah pendapatan syarikat yang menuntut bagi TT 2018.

Nota:

Sekiranya KPHDN mengetahui kerugian larasan daripada perniagaan tidak sepatutnya dipotong dalam menentukan jumlah pendapatan syarikat yang menuntut bagi TT 2018 dalam TT 2023, KPHDN boleh membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam TT2023 atau dalam tempoh lima (5) tahun selepas berakhirnya TT 2023, iaitu mulai TT 2024 hingga TT 2028.

- 12.2 Menurut perenggan 44A(9)(b) ACP, sekiranya sebuah syarikat yang menyerah mengemukakan maklumat yang tidak betul dalam BNCP berkenaan jumlah kerugian larasan daripada perniagaan yang diserahkan, KPHDN boleh mengenakan penalti ke atas syarikat yang menyerah, dengan jumlah bersamaan jumlah cukai yang berkurang dikenakan ke atas syarikat yang menuntut.

Contoh 20

HiQ Sdn Bhd (HiQ) dan LBG Sdn Bhd (LBG) merupakan syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama yang memenuhi syarat layak untuk relif kumpulan. HiQ adalah syarikat yang menyerah manakala LBG adalah syarikat yang menuntut. Dalam TT 2023, HiQ memilih untuk menyerahkan 70%

kerugian larasan perniagaan tahun semasa kepada LBG, yang memilih untuk menuntut kerugian tersebut.

Penyerahan dan Tuntutan Kerugian Larasan Perniagaan bagi TT 2023

HiQ Sdn Bhd (Syarikat Menyerah)	RM	LBG Sdn Bhd (Syarikat Menuntut)	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan I (kerugian larasan perniagaan tahun semasa RM190,000)	Tiada	Pendapatan berkanun daripada perniagaan I Pendapatan berkanun daripada perniagaan II	145,000 36,000
Lebihan kerugian larasan tahun semasa [subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP] Kerugian larasan tahun semasa diserahkan kepada LBG (RM190,000 x 70%)	(190,000) 133,000	Agregat pendapatan / Pendapatan agregat ditentukan Tolak: Kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang dipindahkan daripada HiQ	181,000 (133,000)
Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h	(57,000)	Jumlah pendapatan	48,000
		Cukai yang dikenakan @ 24% (RM48,000 x 24%)	11,520.00

Suatu audit telah dijalankan oleh LHDNM. Pelarasan berikut telah dibuat serta notis taksiran telah dikeluarkan.

Pelarasan Penyerahan dan Tuntutan Kerugian Larasan Perniagaan oleh LHDNM bagi TT 2023

HiQ Sdn Bhd (Syarikat Menyerah)	RM	LBG Sdn Bhd (Syarikat Menuntut)	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan I (kerugian larasan perniagaan tahun semasa RM120,000) [selepas semakan]	Tiada	Pendapatan berkanun daripada perniagaan I Pendapatan berkanun daripada perniagaan II	145,000 36,000

semula oleh pegawai audit LHDNM]			
Kerugian larasan tahun semasa [subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP] Oleh itu, amaun kerugian larasan perniagaan yang layak diserahkan adalah RM84,000 dan bukan RM133,000 - Kerugian larasan perniagaan tahun semasa diserahkan kepada LBG (RM120,000 x 70%) Kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap h/h	(120,000)	Agregat pendapatan / Pendapatan agregat ditentukan Tolak: Kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang dipindahkan daripada HiQ selepas pelarasan audit	181,000 (84,000)
		Jumlah pendapatan	97,000
	84,000	Cukai yang dikenakan @ 24% (RM97,000 x 24%) Tolak:	23,280.00
	(36,000)	Cukai yang dikenakan terdahulu	11,520.00
		Cukai yang berkurang dikenakan	11,760.00

Selepas penemuan audit -

- suatu notis taksiran dikeluarkan dengan cukai tambahan berjumlah RM11,760 dibangkitkan ke atas LBG; dan
- suatu notis (Borang G) dengan penalti berjumlah RM11,760 dikeluarkan kepada HiQ. Notis ini disifatkan sebagai notis taksiran untuk tujuan rayuan sekiranya HiQ tidak berpuas hati dengan penalti yang dikenakan.

- 12.3 Syarikat yang menyerah mempunyai hak untuk merayu terhadap pengenaan penalti dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada pengeluaran notis. Rayuan akan dikendalikan sama seperti rayuan terhadap sesuatu taksiran. Untuk penjelasan lanjut berkenaan rayuan terhadap sesuatu taksiran, sila rujuk KU No 7/2020 bertajuk Rayuan terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif, yang boleh diperolehi di www.hasil.gov.my, portal rasmi LHDNM.

13. Syarikat yang Tidak Layak untuk Relif Kumpulan

- 13.1 Berkuatkuasa TT 2019, perenggan 44(10)(aa) ACP telah diperkenalkan melalui Akta Kewangan 2018 [Akta 812] untuk memperuntukkan syarikat yang menyerah atau syarikat yang menuntut yang masih mempunyai elaun cukai pelaburan yang belum digunakan atau kerugian larasan daripada perniagaan perintis yang masih belum diserap selepas tempoh galakan elaun cukai pelaburan atau taraf perintis telah tamat, tidak layak relif kumpulan.
- 13.2 Menurut subseksyen 44A(10) ACP, relif kumpulan tidak terpakai kepada syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut bagi tempoh asas untuk suatu TT yang mana dalam tempoh tersebut syarikat tersebut -
- (a) merupakan sebuah syarikat perintis atau telah diberi kelulusan untuk elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP);
 - (b) mempunyai elaun cukai pelaburan yang belum digunakan atau kerugian larasan daripada perniagaan perintis di bawah APP;
 - (c) dikecualikan cukai atas keuntungan perkapalan di bawah seksyen 54A, atau melalui pengecualian menteri di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP;
 - (d) telah membuat tuntutan untuk elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A ACP;
 - (e) telah membuat tuntutan potongan berhubung suatu projek pengeluaran makanan yang diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengeluaran Makanan yang Diluluskan) 2006 [P.U. (A) 55/2006];
 - (f) telah membuat tuntutan potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Perolehan Hak Empunya) 2002 [P.U. (A) 63/2002];
 - (g) telah dibenarkan potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing) 2003 [P.U. (A) 310/2003]; atau
 - (h) telah membuat suatu tuntutan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154, dan Kaedah-Kaedah itu

memperuntukkan bahawa seksyen 44A ACP tidak terpakai kepada syarikat itu.

Contoh 21

Syarikat T merupakan pengilang komponen kenderaan telah diberikan kelulusan untuk elaun cukai pelaburan bagi produk yang digalakkan di bawah seksyen 26 APP pada 5.1.2018 untuk tempoh 5 tahun berkuat kuasa mulai 11.1.2018 hingga 10.1.2023. Syarikat T menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun.

Syarikat T telah melakukan perbelanjaan modal yang layak elaun cukai pelaburan sepanjang tempoh galakan sebanyak RM4,000,000. Pada akhir tempoh asas TT 2024, elaun cukai pelaburan yang masih belum digunakan dihantar ke hadapan oleh Syarikat T adalah RM500,000.

Syarikat S dan Syarikat T merupakan syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama yang memenuhi syarat layak untuk relif kumpulan. Syarikat S adalah syarikat yang menyerah manakala Syarikat T adalah syarikat yang menuntut. Dalam TT 2024, Syarikat S memilih untuk menyerahkan 70% kerugian larasan perniagaan tahun semasa kepada Syarikat T, yang memilih untuk menuntut kerugian tersebut.

Berkuat kuasa mulai TT 2019, perenggan 44A(10)(aa) ACP memperuntukkan relif kumpulan tidak layak dituntut sekiranya dalam TT yang sama, syarikat yang menyerah atau syarikat yang menuntut masih mempunyai elaun cukai pelaburan yang belum digunakan atau baki kerugian larasan daripada perniagaan perintis yang tidak dapat diserap selepas tempoh galakan elaun cukai pelaburan atau taraf perintis tamat.

Oleh itu, memandangkan Syarikat T masih mempunyai elaun cukai pelaburan yang masih belum digunakan dibawa ke hadapan sebanyak RM500,000 dalam TT 2024, Syarikat S dan Syarikat T tidak layak untuk relif kumpulan di bawah seksyen 44A ACP dalam TT 2024.

Contoh 22

Syarikat S dan Syarikat T merupakan syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama yang memenuhi syarat layak untuk relif kumpulan. Syarikat S adalah syarikat yang menyerah dan Syarikat T adalah syarikat yang menuntut. Dalam TT 2024, Syarikat S memilih untuk menyerahkan 70% kerugian larasan perniagaan tahun semasa berjumlah RM50,000 kepada Syarikat T, yang memilih untuk menuntut kerugian tersebut.

Syarikat T telah menuntut elaun pelaburan semula sebanyak RM100,000 dalam TT 2023 dan masih mempunyai elaun pelaburan semula yang tidak dapat diserap dihantar ke hadapan ke TT berikutnya sebanyak RM20,000.

Dalam TT 2024, Syarikat T menuntut relif kumpulan sebanyak RM50,000, iaitu kerugian larasan perniagaan yang diserahkan oleh Syarikat S. Syarikat T tidak menuntut sebarang elaun pelaburan semula dalam TT 2024.

Walaupun Syarikat T telah menuntut elaun pelaburan semula dalam TT 2023, tetapi Syarikat T tidak menuntut elaun pelaburan semula dalam tempoh asas bagi TT 2024. Oleh itu, Syarikat T berhak menuntut relif kumpulan dalam TT 2024.

Nota:

Sekiranya Syarikat T telah menuntut elaun pelaburan semula dalam TT 2024, Syarikat T tidak layak menuntut relif kumpulan dalam tahun yang sama.

Contoh 23

Fakta adalah sama seperti Contoh 22 kecuali dalam TT 2024, Syarikat T telah dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu TT berhubung dengan laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala mengikut prinsip *Wakala Bil Istithmar* [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2015 [P.U. (A) 61/2015] di bawah perenggan 127(3)(b) ACP.

Syarikat T juga hendak menuntut relif kumpulan iaitu kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang diserahkan oleh Syarikat S dalam TT 2024.

Memandangkan Syarikat T telah dikecualikan cukai ke atas laba atau keuntungan yang diperolehi, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala di bawah seksyen 127(3)(b) ACP bagi TT 2024, Syarikat T tidak layak menuntut relif kumpulan di bawah seksyen 44A ACP dalam TT 2024.

14. Perkara Lain yang Berkaitan

- 14.1 Sebuah syarikat yang menyerah dan sebuah syarikat yang menuntut dikehendaki melengkapkan ruangan berkaitan kerugian yang diserahkan atau dituntut di bawah peruntukan relif kumpulan dalam BNCP. Bagi syarikat yang menyerah, amaun kerugian yang diserahkan dalam tempoh asas untuk TT semasa dan baki kerugian larasan perniagaan yang dihantar ke hadapan untuk potongan dalam TT yang berikutnya perlu dilaporkan.
- 14.2 Jika sebuah syarikat yang menyerah atau sebuah syarikat yang menuntut di bawah peruntukan relif kumpulan telah memfailkan BNCP sebelum tarikh pengemukaan BNCP tanpa membuat pilihan dalam ruangan yang berkaitan, syarikat boleh menulis kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail syarikat untuk semakan semula. Permintaan untuk semakan tersebut mesti dibuat sebelum tarikh akhir untuk pengemukaan BNCP. Pilihan itu tidak boleh ditarik balik.

- 14.3 Sebuah syarikat yang menyerah atau sebuah syarikat yang menuntut tidak layak untuk membuat pilihan untuk menyerah atau menuntut kerugian larasan perniagaan sekiranya BNCP dikemukakan selepas tarikh akhir untuk pengemukaan BNCP.
- 14.4 Sebuah syarikat yang telah menyemak semula pengiraan cukainya yang mengakibatkan timbulnya kerugian larasan perniagaan selepas pengemukaan BNCP di bawah seksyen 77A ACP, tidak layak menyerahkan kerugiannya.

15. Kemaskini dan Pindaan

Pindaan															
KU ini menggantikan KU Bil.6/2016 bertarikh 22 Ogos 2016.	Kandungan KU ini telah dikemas kini dan dipinda seperti berikut - <table> <tr> <th>Perenggan</th><th>Penerangan</th></tr> <tr> <td>1</td><td>Perenggan 1 dikemas kini.</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Tambahan perenggan 3.3, 3.4, 3.5, 3.7, 3.9, 3.12, 3.13 dan 3.16 baharu.</td></tr> <tr> <td>4</td><td> Perenggan 4.1 hingga 4.2 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai perenggan 4.1 hingga perenggan 4.5. Perenggan 4.3 terdahulu dipadamkan. </td></tr> <tr> <td>5</td><td> Perenggan baharu ditambah. Tambahan Contoh 1 dan 2 baharu. </td></tr> <tr> <td>6</td><td>Perenggan 5 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 6.</td></tr> <tr> <td>7</td><td> Perenggan 6 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 7. Perenggan 7.2 dipinda. </td></tr> </table>	Perenggan	Penerangan	1	Perenggan 1 dikemas kini.	3	Tambahan perenggan 3.3, 3.4, 3.5, 3.7, 3.9, 3.12, 3.13 dan 3.16 baharu.	4	Perenggan 4.1 hingga 4.2 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai perenggan 4.1 hingga perenggan 4.5. Perenggan 4.3 terdahulu dipadamkan.	5	Perenggan baharu ditambah. Tambahan Contoh 1 dan 2 baharu.	6	Perenggan 5 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 6.	7	Perenggan 6 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 7. Perenggan 7.2 dipinda.
Perenggan	Penerangan														
1	Perenggan 1 dikemas kini.														
3	Tambahan perenggan 3.3, 3.4, 3.5, 3.7, 3.9, 3.12, 3.13 dan 3.16 baharu.														
4	Perenggan 4.1 hingga 4.2 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai perenggan 4.1 hingga perenggan 4.5. Perenggan 4.3 terdahulu dipadamkan.														
5	Perenggan baharu ditambah. Tambahan Contoh 1 dan 2 baharu.														
6	Perenggan 5 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 6.														
7	Perenggan 6 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 7. Perenggan 7.2 dipinda.														

		Contoh 1 hingga 6 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 3 hingga 8. Contoh 7 dalam KU terdahulu dipadamkan. Perenggan 7.3 dikemas kini. Perenggan 7.4 dipinda. Contoh 8 hingga 12 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 9 hingga 13.
	8	Perenggan 7 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula kepada perenggan 8. Contoh 13 hingga 15 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 14 hingga 16.
	9	Perenggan 8 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula kepada perenggan 9. Contoh 16 hingga 17 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 17 hingga 18.
	10	Perenggan 9 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula kepada perenggan 10. Contoh 18 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 19.
	11	Perenggan 10 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 11.

	12	Perenggan 11 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 12. Contoh 19 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 20.
	13	Perenggan 12 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula kepada perenggan 13. Tambahan contoh 21-baharu. Contoh 20 dan 21 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 22 hingga 23.
	Lampiran 1	Lampiran 1 terdahulu dikemas kini.

16. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Lampiran 1

Langkah-Langkah yang Perlu Diambil untuk Menentukan Sama Ada Syarikat yang Menyerah dan Syarikat yang Menuntut adalah Berkaitan dan Layak untuk Relif Kumpulan

